

BAHASA, BUDAYA & WARISAN KITA

Muhammad Ariff Ahmad Arif Budiman Nan Teladan

Digelar pendeta, jadi sumber rujukan pelbagai bidang terutama bahasa, sastra dan budaya



DR AZHAR IBRAHIM ALWIE

Penulis ialah Penserah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura (NUS). Beliau juga Naib Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura, selain Ketua Perwakilan Miestra, Singapura. Dr. Azhar antara panel penulis yang diundang khas Berita Minggu (BM) untuk mengupas isi bahasa, budaya dan warisan.

Kita beruntung mempunyai kalangan walaupun kecil jumlahnya tetapi tidak kalah dengan ketekunan masing-masing.

Antara mereka ialah Allahyarham Dr Muhammad Ariff Ahmad atau dikenali sebagai Cikgu Ariff.

Cikgu Ariff atau Pendeta Ariff ialah seorang bahasawan, sasterawan dan budayawan sekaligus.

Ini terjemah dalam kerjanya beliau sebagai pendidik dan juga pemimpin yang banyak diminta bergabung dalam pelbagai pertubuhan dan jawatankuasa di Singapura.

Beliau ialah seorang guru yang kita sering rujuk tentang pelbagai bidang.

Daripada bahasa ke sastra, adat, budaya, pendidikan, sampai ke buku kanak-kanak dan pantun.

Wajahnya apabila beliau disebut sebagai 'ensiklopedia bergemak'.

Tidak dapat tidak, Cikgu Ariff ialah tokoh contoh bagi konsep Arif Budiman.

Malah konsep yang menjadi paradigma pendidikan bahasa Melayu Singapura, pastinya sedari awal terinspirasi daripada contoh ketekapan yang ada pada sosok Cikgu Ariff itu sendiri.

Ada empat ciri utama Arif Budiman yang boleh kita kaikatkan dengan tokoh yang disanjung.

Pertama, peribadi berbisik kebudayaan yang berakar ke bumi bangsanya dan terbuka dengan budaya dunia yang kosmopolitan.

Kedua, keuletan berbalas yang membekalkan ia membangun keilmuan dan mentafsirkan warisan.

Ketiga, keakraban dengan budaya leluhur bangsanya, mahupun budaya dunia moden yang wajar diadap untuk pemodenan bangsa dan negara.

Keempat, ketekapan sebagai pemimpin yang sedia dan banyak menyumbang kepada masyarakat dan negaranya.

Namun empat perkara ini harus terbangun bersepadu dan bukan terpisah-pisah unsurnya.

Dalam satu wawancara, Cikgu Ariff menegaskan pentingnya penguasaan bahasa yang diselaraskan dengan penguasaan budaya,

"bahawa pelajaran bahasa tanpa mencintai budaya itu, kita tak (akan) sempurna".

Hanya dengan pendekatan ini, pendidikan bahasa Melayu selaras dengan cita membina manusia yang berbudaya, berilmu dan beretika.

ORANG BUDIMAN CITA KEBUDAYAAN

Dalam *Tajuk Selayang*, sebuah karya ketat anegaraan dan etika, disebut pentingnya berdirinya manusia yang disebut 'Orang Budiman' yang memiliki akal, keimanan, keharmonian dan beretika dalam membina baik-buruk serta beramaniah dan adil apabila menjalankan tugas.

Begitu juga pada pepatah dan petiti ne nek moyang kita yang menyebut perihal kepimpinan yang arif lagi ikhlas, sehingga disebut:

"Dijadikan pemimpin ia handal
Budinya banyak menjadi bekal
Kerjanya elok manfaatnya kekal."

Namun bagi Cikgu Ariff sendiri, pentingnya menjadi insan budiman yang ikhlas, ada sisi altruistik, yakni melakukan kebaikan tanpa ada motif untuk minta dibalas atau mendapat ganjaran.

"Jadilah orang yang ikhlas, orang yang berbudi. Berbudi itu macam-macam."

"Semua pekerjaan baik itu dinamakan budi."

"Jadi kalau kita ada budi, sekecil mana pun budi itu, dia akan mendapatkan balasan yang baik dengan syarat apa yang kita lakukan itu hendaklah ikhlas, tekun, jangan ada niat lain daripada berbuat baik."

Inilah pesan yang Cikgu Ariff titipkan.

PENDETA ARIFF

BERCAKERAJALA ILMU

Sesungguhnya Cikgu Ariff ialah ahli jasanya yang wajar digelar Pendeta Ariff, yakni percontohan teladan daripada barisan tokoh yang boleh kita sebut sebagai Arif Budiman, yang hari ini kita lekakan kepada paradigma pendidikan bahasa Melayu.

Sekiranya kita menlebek memoir, ada disebut tiga nama tokoh, yang sebenarnya juga ilmunya pada zaman dan bidang masing-masing.

Pertama ialah Pendeta Za'ba; kedua ialah Cikgu Harun Aminurrusli; dan ketiga ialah Cikgu Mahmud Ahmad.

Daripada kebesaran dan sumbangan tiga tokoh ini, dapat kita jejak dari pemikiran Cikgu Ariff, yang semenjak usia mudanya sudah bertekad membangun diri menguasai ilmu, mencari guru sebagai pandu, serta memupuk jasa bakti sebagai tanda berbagi budi.

Menarik dua keratan pantun *Budi* karya Cikgu Ariff sendiri tertulis pada 1947, yang berbunyi:

"Ingat pepatah orang bijak
Dalam seni susunan sajak
Budi tidak diijit beli
Punya didapat bukan dicari
Budi bahasa ukuran hemah
Menegok dapat kuat atau lemah
Sukatan harga fira suria
Tangga daklan ke merca budaya."

BEGAWAN ASAS '50

Nama beliau terpatut dalam sejarah sebagai antara pendiri Angkatan Sasterawan '50 (Asas '50).

Di Asas '50 lah Cikgu Ariff menyumbang bakti kepada masyarakat dengan penuh dedikasi, serta yakin dengan seruan: "Sastera Untuk Masyarakat".

Di saat shukh bergemak menyusun pembentukan Asas '50, Cikgu Ariff sempat menlebek:

"Dalam bicara diperkukuh
Gagasan bersejarah teguh bercahaya
Idea sastera baru dipupuk, sastera alama diperkukuh"

Cita-cita karya sastera jadi pencapai ke-
mukanaan penuh

Slogan: seni sastera untuk masyarakat rakyat seluruh

Indukan: sendiri-sendiri dalam satu persatuan yang teguh

Angkatan Sasterawan '50 - Asas '50.

Itulah puisi, *Bersatu Digerhanyu*, yang menjadi harapan Cikgu Ariff dan rasanya inilah yang menjadi pedoman beliau dalam mengerjakan usaha sastera, bahasa dan budaya di Singapura.

Pastinya suatu amanah daripada beliau bahawa Asas '50 harus terus memainkan peranan ini.

Selapas perpisahan dari Malaysia, beberapa cerdik pandai Melayu yang dulu bermastautin di Singapura, meninggalkan pulau ini.

Cikgu Ariff dengan beberapa guru Melayu yang lain, seperti Masari S.N., Sunman Marasan, Suradi Parjo dan Aliman Hassan mengisi ruang kepimpinan, khususnya dalam bidang kebudayaan dan kewasustaan.

Di era pembangunan Singapura semenjak 1970-an, kepimpinan yang mewakili masyarakat Melayu juga harus diisi, selain yang terdapat dalam perwakilan politik dalam Parlimen dan pemerintahan.

Di sini, cerdik pandai Melayu seperti Cikgu Ariff harus mengemban tugas dalam beberapa jawatankuasa kerja agar kepentingan masyarakat Melayu diwakili.

Perhatikan saja senarai kerja kesukarelawan mahupun tugas perkhidmatan badan berkanan yang dipercayakan kepada beliau.

Atas jasa besar beliau kepada dunia sastera tanah air, beliau telah dianugerahkan Pingat Budaya pada 1987.

Nama beliau juga tersenarai sebagai antara salah seorang perintis sastera (Literary Pioneer) Lembaga Perpustakaan Negara (NLB).

Di Institut Pendidikan Nasional - Universiti Teknologi Nanyang (NTU-NIE), pula tersenarai sudut koleksi khas mengenang jasa Cikgu Ariff.

Malah ada biasiswa Pengajian Melayu, yang mengambil sempena nama beliau.

Sebagai seorang pendidik untuk semua lapisan masyarakat, Cikgu Ariff aktif memulisi di ruangan akhbar dan tidak terlepas menghidari banyak majlis kebudayaan Melayu demi memberi galakan dan sokongan kepada aktiviti tempatan.

Tentulah beliau menjadi aset bagi masyarakat dan negara, kerana bukannya menjadi di *guardian* (pelindung) kebudayaan, bahkan juga terkedudukan untuk menyeru kepada kemajuan dan pembangunan masyarakat Melayu.

Beliau sesungguhnya tidak canggung berdepan dengan konteks masyarakat dan negara yang sedang membangun, di mana proses modenisasi yang cepat bergemak memerlukan masyarakat yang beretos kreatif dan *rekonstruktivis*.

Beliau peka dengan perubahan yang berlaku dan cuba menjelaskan dalam pemulisanannya agar masyarakat Melayu tidak dirundung ragu, takut atau pesimis.

Itulah keuletan beliau dalam hidup bernegara dan berbudaya.

Daripada gaya pemikiran, Cikgu Ariff bukannya yang jenis lantang bersuara, jauh lagi berposisi radikal, atau bergemak dengan kritikan.

Sekalipun beliau, dengan kerjanya sebagai guru, mengambil sikap yang tidak menimbulkan kontroversi, berbanding pertimbangan politik yang berbalutan sederhana dan pragmatik.

Pastinya ini bukanlah sesuatu kelemahan atau kekurangan.



Dr Muhammad Ariff Ahmad atau dikenali sebagai Cikgu Ariff banyak memimpin pertubuhan dan jawatankuasa di Singapura serta antara pencetus pertubuhan Angkatan Sasterawan '50 (Asas '50). Beliau telah dianugerahkan Pingat Budaya pada 1987 dan tersenarai sebagai antara perintis sastera Lembaga Perpustakaan Negara (NLB). - Foto NTU-NIE

Setiap gaya pemikiran pasti memiliki kecenderungan masing-masing.

Beliau selalunya tenang malah suka berseorok orangnya.

Beliau bukan *ideologue* (seorang yang sangat percaya pada prinsip tertentu dan benar-benar mengikutinya), yang mahu memperoalkan idea dan pemikiran yang sudah melembaga.

Maka jarang kita mendengar ungkapan kritis daripada beliau, walaupun kadangkala akan kita kesiani daripada pelbagai karya beliau, khususnya puisi, di mana terdapat sudut yang mengajik kita berfikir mendalam akan keadaan kita hari ini.

Perhatikan bait puisi berjudul, *Jangan Tak Ade*, yang nadanya sinis sambil mengingatkan bahawa masyarakat Melayu yang celik mengambil peluang, wajar hadir dalam sejarah dan jangan sampai tertinggal dalam peradaban masa.

"Hidup dalam masyarakat majmuk, kita tak punya tiap kelompok sama rata
Tapi
Sama pada hak, pada bagiannya tidak
Jika kelompok lain bisa punya 100 bendera
Punya satu cuma, sudah pada -
"Jangan tak ade," kata orang
Ibu kan "adil," namanya!
Toleran, toleran!"

"Jangan tak ade" itu samalah dengan bahasa basahan yang sering kita pakai.

Di saat ada peluang, kita harus rebut.

Di saat pengalihan sumber dan peluang tidak seimbang, kita tetap harus mengambil apa yang kita berhak, agar kita juga tidak terlepas peluang.

Cukup atau tidak, yang penting mesti berbangkit mendapat apa yang sedia ada, daripada langsung tertinggal, dan tidak punya apa-apa.

Malah puisi ini bisa juga boleh dibaca sebagai teguran agar apa yang diagihkan dalam masyarakat jangan hanya sekadar agihan simbolik yang boleh disebut sebagai 'token'.

Pesan seperti ini sungguh tajam dan inilah puisi beliau yang amat berkesan bertaring.

Satu lagi puisi menarik berjudul, *Pura-Pura*, yang ditulis pada 1964, terlanjut sebuah pertanyaan beliau, senaya merenungnya sendiri.

"Katakan pula pada pendeta
Apakah namanya orang yang pura-pura!
Pengambil muka
Penjual bangsa
Manusia tidak bijaksana
Tubuhlah aku sekarang
Si pura-pura itu orang curang
Pemimpin tiada jujur
Yang lebih pengikutnya hancur."

Khususnya kepada sasterawan, kelompok yang paling dipedulikan Cikgu Ariff, beliau menitip pesan:

"Sasterawan tidak dapat memerintah masyarakat, tetapi dapat memlembakan keadaan masyarakat untuk masyarakat mengambil tindakan."

KENANGAN DAN IKHTIRAF

Terdapat banyak usaha untuk terus memperkukuh kolok besar yang banyak berjasa kepada bangsa dan negara ini.

Penulisan dan penerbitan tentang Cikgu Ariff telah diusahakan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura, nungan akhbar, serta puisi kenangan.

Buku drama adaptasi novel, *Mau Mau Kari*, oleh Asah Muhammad telah dilancarkan pada 5 Oktober oleh Perkhidmatan Tulisan Jawi Singapura.

Karya Cikgu Ariff ini diberikan olahan dalam bentuk pastinya akan mengembalikan minat menghayati karya-karya hasil ilham Cikgu Ariff.

Pada 9 Oktober, ceramah disampaikan oleh Profesor Arndt Graf yang bertajuk, 'Melestarikan Warisan, Membina Masa Depan: Menelestarikan Peranan Pengajian Melayu sebagai Jambatan Komuniti Melaka Lensei Penikiran MAS', telah diadakan di The Pod, Perpustakaan Negara.

Profesor Graf yang berasal dari Jerman, ialah penyandang Ketua Pengajian Melayu Di Muhammad Ariff Ahmad di Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu, NIE.

Dalam senarai 'Tokoh-tokoh Melayu Singapura, sebuah kelanaran atas talian yang diusahakan oleh NLB, pastinya Cikgu Ariff menjadi tokoh gemilang yang masyarakat banggakan.

NLB telah menerbitkan, *Bibliografi Muhammad Ariff Ahmad*, pada 2017, yang menjadik semua penulisan beliau semenjak 1947.

Enck Mohd Raman Daud telah menyunting *Perjalanan MAS*, sebuah memoir tulisan Cikgu Ariff sendiri.

Isi diterbitkan oleh Asas '50.

Sepanjang hayatnya, Cikgu Ariff telah menyusun buku sekolah, buku bacaan, menerangkan jalan bahasa, ranah budaya dan adat resam, serta banyak lagi.

Itulah pendeta guru yang titipannya harus kita lanjut dan bangunkan lagi dengan lebih masak dan semarak.

Berjela panjang sekiranya kita mahu membutirkan jasa bakti yang telah disumbangkan oleh Cikgu Ariff.

Ke depan hari, semoga Cikgu Ariff terus menjadi perangsang dan teladan, membakar obor berbudi pada anak negeri, menyemai kasih pada sastera, menjadi fash pada bahasa, sebagaimana beliau telah memberikan tunjuk ajar, meneledani dan menitipkan kepada kita.

Itulah Arif Budiman yang berdiri untuk bahasa, sastra dan kemajuan bangsanya.

Tabik kepada guru yang kita sayangi dan harga.

Kesimpulan daripada Ronggowoone, seorang pujangga Jawa, yang menitip pesan lahir:

"Pura manusia yang menajahi
Belajar kemuliaan budaya
Maka mungkin dapat baik."

Itulah juga semangat, nilai dan wawasan yang telah ditunjukkan oleh Cikgu Ariff yang ilmunya berkah, toka juaungnya menjadi adi teladan dan peribadinya menjadi contoh budiman.